

23 AUG 2001

Samy Vellu-Perumahan

MIC BAWA MASALAH PENDUDUK SENTUL KEPADA PERHATIAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- MIC akan mengemukakan masalah 146 keluarga di Sentul Pasar yang menghadapi bahaya kehilangan tempat tinggal berikutan kawasan itu akan dibangunkan oleh pihak swasta, kepada kerajaan, kata Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu.

"Ada antara mereka telahpun di beri notis dan ada yang akan menerima nasib yang sama kemudian," katanya kepada pemberita selepas mengadakan dialog lebih dua jam dengan penduduk kampung terbabit di Gereja Katholik St John di Sentul di sini.

Majlis anjuran Pergerakan Wanita MIC Kebangsaan itu dihadiri kira-kira 400 orang.

Samy Vellu berkata keluarga yang terlibat adalah daripada Kampung Retna Pillai yang telah wujud di situ sejak 1950-an dan menjadi tumpuan penduduk kaum India. Kampung berkenaan juga turut mempunyai penduduk Melayu dan Cina.

Katanya, 146 buah keluarga itu merangkumi 422 orang termasuk 23 orang ibu tunggal.

Keluarga terbabit tinggal di rumah-rumah setinggan yang dibina di atas tanah milik swasta, di laluan KTMB dan di bawah laluan kabel TNB.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata beliau akan membawa masalah ini kepada perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri.

Menurutnya, beliau akan berusaha untuk mendapatkan rumah kos rendah yang kini sedang dibangunkan sekitar Kuala Lumpur bagi tujuan penempatan semula setinggan.

Samy Vellu yang juga anggota Jawatankuasa Kabinet Mengenai Setinggan berkata Yayasan Startegik Sosial di bawah naungan MIC akan membuat kajian penuh seperti kedudukan isi rumah yang terlibat serta pendapatan mereka.

"Lepas itu kita hantar satu kertas kerja kepada kerajaan untuk mendapatkan satu penyelesaian," katanya.

Samy Vellu berkata beliau akan mengadakan satu lagi sesi dialog dengan mereka yang terbabit setelah kajian itu selesai dan mendapat maklum balas daripada kerajaan.

-- BERNAMA

RV FA HS PR